

Jangan 'ganggu' Hutan Simpan Ayer Hitam

Oleh **SOFIAN BAHAROM**
sofian.baharom@utusan.com.my

PUCHONG 21 Mac - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berharap perjanjian persefahaman antara kerajaan negeri dan Universiti Putra Malaysia (UPM) berhubung penggunaan Hutan Simpan Ayer Hitam di sini sebagai pusat pengajaran dan penyelidikan perhutanan dilanjutkan kepada 999 tahun.

Baginda bertitah, tempoh 80 tahun yang dipersetujui kedua-dua pihak perlu dilanjutkan bagi memastikan fungsi hutan simpan tersebut sebagai kawasan hijau, pusat pemeliharaan sumber genetik dan pusat penyelidikan Fakulti Perhutanan universiti itu dapat diteruskan selama-lamanya.

"Beta difahamkan bahawa hutan ini walaupun mempunyai keluasan kecil tetapi kaya dengan flora dan fauna yang unik. Keunikan terletak pada campuran flora yang mempunyai elemen hutan dari kawasan utara dan selatan Semenanjung Malaysia.

"Di sini juga terdapat tumbuhan yang sukar dijumpai di Semenanjung Malaysia, selain mamalia besar seperti beruang, harimau kumbang dan ungka. Beta berasa sukacita apabila dimaklumkan bahawa kajian mendapati hutan ini juga mempunyai spesies pokok yang unik.

"Tiga ekspedisi saintifik yang telah dijalankan pula menemukan beberapa spesies baru paku pakis dan lumut yang merupakan rekod terbaru bagi negeri Selangor.

"Berdasarkan kepada kekayaan dan kepelbagaian biologi ini, beta berkenan Hutan Simpan Ayer Hitam dipelihara dan dilindungi dari sebarang gangguan penggunaan yang merosakkan," titah baginda pada majlis perasmian Pusat Pendidikan Perhutanan Sultan Idris Shah (SISFEC) di hutan berkenaan di sini hari ini.

Baginda yang juga Canselor UPM turut melawat kemudahan yang terdapat di SISFEC iaitu sebuah pusat



SULTAN Sharafuddin Idris Shah menyiram pokok spesies Merawan Meranti sebagai simbolik perasmian Pusat Pendidikan Perhutanan Sultan Idris Shah (SISFEC) di Hutan Simpan Ayer Hitam, Puchong, semalam. Turut kelihatan belakang dari kiri, Mohamed Khaled Nordin, Radin Umar Radin Sohadi dan Ketua Seksyen Ladang Fakulti Perhutanan UPM, Dr. Paiman Bawon.

rujukan pendidikan, penyelidikan dan pengembangan amalan terbaik pengurusan hutan tropika di peringkat nasional dan global.

Antara kajian saintifik yang akan dikembangkan di SISFEC adalah

menjejak sumber genetik terbaru, mengumpul rekod stok tumbuhan dan hidupan liar hutan itu secara berterusan yang meliputi kajian untuk abiotik, biotik, sosial, ekonomi serta pengurusan taman rekreasi ser-

ta ekopelancongan.

SISFEC turut memiliki pelbagai fasiliti termasuk penginapan, liputan internet dan makmal, sekali gus membuka peluang kepada penyelidik dari dalam dan luar negara menjalankan penyelidikan di hutan simpan ini.

Majlis perasmian itu turut dihadiri bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin; Naib Canselor UPM, Datuk Dr. Radin Umar Radin Sohadi dan Pengerusi Lembaga Pengarah UPM, Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Syed Jalaludin Syed Salim.

Sultan Sharafuddin juga berharap kajian saintifik terhadap hutan simpan itu terus dilakukan, melalui kepakaran dalam pelbagai disiplin ilmu yang ada di UPM dengan memperincikan kajian kepada seluruh kawasan yang terdapat di hutan tersebut supaya sumber genetik terbaru dapat dijejaki.

"Beta berkenan supaya UPM menerajui pendidikan dan penyelidikan dalam pertanian diberikan sokongan dan dokongan oleh kerajaan negeri dan Persekutuan. Beta maklum terdapat pihak yang mempertikai peranan universiti ini dalam bidang pertanian dan berhasrat untuk mewujudkan universiti atau institusi pendidikan tinggi dalam bidang tersebut.

"Beta berharap pihak kerajaan tidak tergesa-gesa membuat keputusan mengenai perkara ini. Kepakaran yang dimiliki UPM dalam bidang pertanian ini harus dimanfaatkan bersama. Ia harus kukuh dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa untuk memberi impak yang bermakna kepada masyarakat dan negara," titah baginda.

Perjanjian persefahaman di antara kerajaan negeri dan UPM pada 1996 telah memberi kebenaran kepada institusi tersebut untuk mengurus dan membangunkan Hutan Simpan Ayer Hitam seluas 1,176.1 hektar sebagai hutan pendidikan, penyelidikan dan pengembangan perhutanan untuk tempoh 80 tahun sehingga 2076.